

# Perpustakaan Dar al-Hikmah, UIAM: Antara Ruang Mencari Rezeki dan Peluang Memahirkan Diri

Siti Azizah Md Nor<sup>1</sup> dan Azhari Zaihadi<sup>2</sup>

Perpustakaan Dar Al-Hikmah  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)  
Jalan Gombak, 53100 Kuala Lumpur, WP Kuala Lumpur  
<sup>1</sup>e-mel: sitiazizah@iium.edu.my  
<sup>2</sup>e-mel: azhari@iium.edu.my

## ABSTRAK

Pembelajaran adalah proses yang berlaku secara berterusan. Hal ini tidak terhad kepada pelajar sahaja malah ia turut melibatkan orang dewasa yang sudah memasuki alam pekerjaan, terutamanya apabila bertugas di institusi pendidikan tinggi seperti perpustakaan universiti. Perpustakaan Dar Al-Hikmah, UIAM memainkan peranan penting dalam menawarkan perkhidmatan kepada pemegang taruh yang terdiri daripada pelajar, pensyarah dan juga kakitangan universiti. Dalam masa yang sama, perpustakaan ini juga memberi peluang kepada para petugasnya untuk turut serta dalam proses pembelajaran. Hal yang demikian berlaku apabila para petugas diberi kursus dan latihan yang berkaitan dengan tugas hakiki mereka. Di samping melaksanakan tugasan harian, para petugas berpeluang untuk mempelajari kemahiran baru dalam hidup mereka. Secara tidak langsung, mereka memperoleh ilmu sampingan yang amat berguna samada bagi tujuan kerja mahupun kehidupan harian mereka. Hasil daripada penulisan ini dapat memberi pendedahan tentang peranan dan sumbangan perpustakaan dalam pembangunan setiap insan. Tulisan ini dicadangkan agar dapat dijadikan panduan dalam merangka program latihan kepada para petugas perpustakaan untuk menambah kemahiran yang memberi impak tersendiri.

**Kata Kunci:** Pembelajaran sepanjang hayat; Petugas perpustakaan; Latihan kakitangan; Latihan kemahiran